



**UCAPAN BAJET NEGERI MELAKA  
TAHUN 2016  
DENGAN TEMA  
'MEMAKMUR NEGERI, MENGUTAMAKAN RAKYAT'**

**Oleh  
YAB DATUK SERI Ir. HJ IDRIS BIN HJ HARON  
KETUA MENTERI MELAKA**

**KETIKA MEMBENTANGKAN  
RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN (2016) 2015**

**DI DEWAN UNDANGAN NEGERI  
PADA 16 NOVEMBER 2015**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Salam Sejahtera,

Salam 1 Malaysia,

Salam Melaka Maju Negeriku Sayang,

Negeri Bandar Teknologi Hijau,

Melaka 753 Tahun,

Melaka Maju Fasa II.

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

Saya mohon mencadangkan supaya rang Undang-undang bertajuk **“Suatu Enakmen Perbekalan (2016) 2015 untuk membolehkan kegunaan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi maksud perbelanjaan pengurusan tahun 2016”** dibaca bagi kali kedua.

**YANG BERHORMAT DATUK WIRA SPEAKER;**

**MUQADDIMAH**

1. Saya mulakan ucapan ini dengan menyebut kalimah mulia Bismillahirrahmanirrahim. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama menjulang kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya jua, dapat saya membentangkan Bajet Negeri Melaka Tahun 2016 di Dewan yang mulia ini.
2. Di kesempatan ini, saya bagi pihak Kerajaan Negeri ingin menzahirkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan kesyukuran kepada Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil bin Yaakob, Yang di-Pertua Negeri Melaka sempena Hari Jadi Tun yang ke-77 pada 9 Oktober 2015.
3. Kami akan sentiasa menumpahkan taat setia yang tidak berganjak dan kasih sayang yang tidak berbelah-bahagi kepada Tuan Yang Terutama Tun dan mengharapkan nasihat, panduan dan pedoman Tun berterusan demi kesejahteraan, keamanan rakyat dan pembangunan negeri ini.

4. Semoga Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Seri Utama Dato' Zurina binti Kassim seisi keluarga mendapat magfirah dan perlindungan Allah SWT serta sihat sejahtera sepanjang masa untuk terus memayungi Negeri Melaka.

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker;

5. Hasrat Kerajaan Negeri untuk mengembalikan kegemilangan Melaka atau *The Glory of Melaka* seperti yang pernah dilakar lebih 600 tahun dahulu semakin menjadi kenyataan dengan termeterainya beberapa memorandum persefahaman (MoU) dengan Wilayah Guangdong, Republik Rakyat China pada 21 September lalu di hadapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Datuk Seri Utama Mohd Najib bin Tun Abdul Razak.

6. *'Umpama dayung sudah di tangan, perahu sudah di air', 'sekali mendayung lima pulau berlangsung'.*

7. Memorandum ini merupakan pemangkin rancangan membuka semula laluan Sutera Maritim Abad ke-21 melibatkan perdagangan dua hala dalam pelbagai bidang termasuk pembangunan hartanah, industri halal, pelancongan dan perubatan yang dijangka membawa pelaburan melebihi 20 bilion ringgit. Kehadiran Perdana Menteri Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Li Keqiang pada 22 November 2015 ini dilihat bakal mempererat hubungan dua hala yang sedia terjalin.

8. Sesungguhnya, sebagai rakyat Negeri Melaka, kita bertuah kerana dapat mengecapi kemakmuran ekonomi, keseimbangan sosial dan kestabilan politik hasil daripada kebijaksanaan kepimpinan yang ada sehingga banyak kejayaan dapat dilakar.

9. Kehadiran bintang filem Tamil terkenal Rajinikanth ke Negeri Melaka untuk penggambaran filem berjudul "Kabali" adalah bukti bahawa negeri ini semakin dikenali dunia.

10. Kita juga bersyukur dengan segala nikmat pemberian Allah SWT sehingga dapat hidup selamat aman makmur sehingga ke hari ini. Kita dapat merayakan semua perayaan besar seperti sambutan Hari Deepavali yang jatuh pada 10 November 2015 lalu dengan penuh keharmonian.

11. Pemilihan Negeri Melaka sebagai tuan rumah sambutan Rumah Terbuka Krismas Peringkat Kebangsaan sekali lagi pada 27 Disember 2015 membuktikan penghargaan kepada seluruh rakyat Negeri Melaka yang bersatu padu.

## Bajet Negeri Melaka Tahun 2016

12. Bajet Negeri Melaka 2016 yang bertema “Memakmur Negeri, Mengutamakan Rakyat’ telah dirangka dengan memberi tumpuan yang menyeluruh dalam usaha memakmur negeri dan mensejahtera kehidupan rakyat. Semoga segala strategi dan cadangan Kerajaan Negeri dalam Bajet 2016 yang akan saya bacakan sebentar lagi dapat dicapai sesuai dengan firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Isra’, ayat 30, bahawa:

إِنَّ رَبَّكَ يَبْسُطُ الرِّزْقَ لِمَن يَشَاءُ وَيَقْدِرُ إِنَّهُ  
كَانَ بِعِبَادِهِ خَبِيرًا بَصِيرًا ﴿٣٠﴾

*“Sesungguhnya Tuhanmulah yang meluaskan rezeki bagi sesiapa yang dikehendakiNya (menurut undang-undang peraturanNya) dan Dia juga yang menyempitkannya (menurut yang demikian). Sesungguhnya Dia Maha Mendalam pengetahuannya, lagi Maha Melihat akan hamba-hambaNya”.*

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

## SENARIO EKONOMI NEGERI

13. Ketika ini dunia sedang berhadapan krisis ekonomi yang menyaksikan harga minyak dan nilai mata wang mengalami ketidakpastian di pasaran menyebabkan pengamal ekonomi dan para pelabur berada dalam keadaan berjaga-jaga. Negeri Melaka memerlukan lebih banyak nilai pelaburan dan berharap ketidakpastian ekonomi global ini tidak menjejaskan usaha merangsang kegiatan dan pertumbuhan ekonomi bagi menampung pelbagai keperluan rakyat.

14. Ekonomi Malaysia terus mencatatkan pertumbuhan yang sederhana iaitu pada kadar **5.1%** dalam suku pertama tahun ini dan **4.9%** pada suku kedua. Sektor perkhidmatan terus menjadi pemangkin utama dengan sumbangan sebanyak **53.5%** kepada KDNK negara. Ini dibantu oleh prestasi baik bidang pembuatan iaitu sebanyak **23.0%** serta sektor pertanian dan perlombongan, masing-masing menyumbang sebanyak **9.2%** dan **9.0%**.

15. Ekonomi Negeri Melaka pula mencatat pertumbuhan yang baik di mana kadar pertumbuhan KDNK bagi tahun 2014 adalah pada kadar **5.8%**. Sektor perkhidmatan terus unggul sebagai penyumbang utama ekonomi negeri Melaka iaitu pada kadar **45.8%**, diikuti dengan sektor pembuatan sebanyak **39.4%**. Manakala sektor pertanian dan pembinaan menyumbang sebanyak **11.4%** dan **3.3%**.

16. Kadar Pengangguran bagi suku pertama tahun 2015 bagi negeri ini ialah **1.2%** berbanding **3.1%** di peringkat nasional. Kadar ini juga adalah yang terendah berbanding dengan negeri-negeri lain di Malaysia.

17. Bagi tempoh Januari hingga Jun tahun ini, nilai pelaburan yang diluluskan oleh Lembaga Pelaburan Industri Malaysia (MIDA) di peringkat nasional ialah sejumlah **49.5 bilion ringgit** atau bersamaan **388** buah projek, di mana pelaburan asing berjumlah **13.1 bilion ringgit** manakala pelaburan domestik berjumlah **36.4 bilion ringgit**.

18. Daripada jumlah itu, **6.2 bilion ringgit** adalah nilai pelaburan di Negeri Melaka, yang merangkumi sejumlah **1.5 bilion ringgit** bagi pelaburan asing dan sejumlah **4.7 bilion ringgit** bagi pelaburan domestik. Ini merupakan nilai pelaburan yang tertinggi pernah diperolehi oleh Negeri Melaka. Jumlah pelaburan ini tidak mengambil kira pelaburan yang bakal diterima dari wilayah Guangdong, Republik Rakyat China.

### **Rancangan Malaysia Ke-Sebelas (RMKe-11)**

19. Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) akan melabuhkan tirainya pada penghujung tahun 2015. Sepanjang pelaksanaan RMKe-10 tersebut, Negeri Melaka telah menerima peruntukan sejumlah 1.952 bilion ringgit daripada Kerajaan Persekutuan terdiri daripada 290 buah projek di mana 232 buah projek telah siap dilaksanakan manakala baki 58 buah projek masih dalam pelaksanaan. Sehingga 12 Oktober 2015 sejumlah 1.653 bilion ringgit atau 85.34% telah dibelanjakan.

20. Negeri Melaka akan terus menyahut aspirasi nasional dalam menggarapkan setiap agenda pembangunan bertunjangkan kesejahteraan rakyat dalam Rancangan Malaysia Kesebelas. Kerajaan Negeri Melaka telah menetapkan beberapa dasar bagi komposisi pertumbuhan pembangunan di negeri ini supaya ianya seimbang dan mampu memenuhi kehendak golongan sasaran.

21. Hala Tuju Pelan Strategi Rancangan Malaysia Kesebelas bagi tempoh 2016-2020 untuk Negeri Melaka adalah ke arah Negeri Maju Berpendapatan Tinggi, Melahirkan Modal Insan yang Berkualiti dan Membudayakan Teknologi Hijau.

22. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri akan menyediakan peruntukan awalan sejumlah 110 juta ringgit untuk tujuan pembangunan bagi tahun 2016 hingga 2017. Manakala untuk keseluruhan tempoh RMK-11 ini, Kerajaan Negeri telah menetapkan siling peruntukan sejumlah 681 juta ringgit bagi melaksanakan projek-projek pembangunan yang meliputi pembinaan jalan raya, jambatan, masjid dan sebagainya. Peruntukan ini tidak mengambil kira peruntukan yang bakal diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan dalam RMK-11 kepada Negeri Melaka.

23. Kerajaan Negeri akan terus memberi fokus utama kepada projek-projek infrastruktur asas yang dapat membantu meningkatkan kualiti hidup rakyat bagi menangani kos sara hidup yang semakin meningkat di samping menyediakan kemudahan infrastruktur fizikal dan sosial yang mantap. Program-program pembangunan yang dirancang ini akan membawa impak yang tinggi dan memberi hasil yang positif dan berfaedah kepada seluruh rakyat di Negeri ini.

24. Bagi memastikan prestasi ekonomi di Negeri Melaka kekal berdaya maju dan berdaya saing, Kerajaan Negeri telah merangka 3 strategi utama dalam Bajet 2016 bagi memastikan pembangunan yang lebih dinamik dan dapat memberi manfaat kepada seluruh rakyat Negeri Melaka.

## **STRATEGI BAJET NEGERI MELAKA 2016**

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

25. Di Dewan yang mulia ini, Kerajaan Negeri ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Datuk Seri Utama Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia kerana berjaya merangka bajet yang mantap demi kesejahteraan semua rakyat Malaysia. Bajet 2016 yang bertemakan "**Mensejahtera Kehidupan Rakyat**" telah menggariskan lima (5) keutamaan, iaitu:

- Pertama : Memperteguh Ketahanan Ekonomi Negara**
- Kedua : Meningkatkan Produktiviti, Inovasi dan Teknologi Hijau**
- Ketiga : Mempersiaga Modal Insan**
- Keempat : Memperkasa Agenda Bumiputera**
- Kelima : Meringankan Kos Sara Hidup Rakyat**

26. Bajet 2016 yang dibentang oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia di Dewan Rakyat pada 23 Oktober yang lalu merupakan belanjawan yang berteraskan keseimbangan di antara *Capital Economy* dan *People Economy*.

27. Dalam Bajet 2016 itu, kutipan hasil Kerajaan Persekutuan dianggarkan sejumlah 225.7 bilion ringgit, iaitu peningkatan sejumlah 3.2 bilion ringgit berbanding tahun 2015. Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan sejumlah 215.2 bilion ringgit bagi perbelanjaan mengurus dan sejumlah 52 bilion ringgit bagi perbelanjaan pembangunan. Syabas diucapkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah membentangkan bajet yang realistik, merangkumi segenap keperluan masyarakat tanpa menghiraukan suasana ekonomi dunia yang tidak menentu ini.

28. Sehubungan itu, Bajet Negeri Melaka Tahun 2016 dengan tema '**Memakmur Negeri, Mengutamakan Rakyat**' adalah dirangka berlandaskan kepada tiga strategi utama :-

- Pertama : MEMAKMUR DAN MEMPERKUKUH EKONOMI NEGERI**
- Kedua : MENGUTAMAKAN KESEJAHTERAAN RAKYAT**
- Ketiga : MEMANTAPKAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN DAN MEMPERHEBAT TRANSFORMASI PERKHIDMATAN AWAM NEGERI**

#### **PERUNTUKAN BAJET NEGERI MELAKA 2016**

29. Bajet 2016 akan menyediakan peruntukan sejumlah **327.08 juta ringgit** di mana **317.62 juta ringgit** adalah untuk **perbelanjaan mengurus** seperti di dalam Rang Undang-undang Enakmen Perbekalan (2016) 2015 dan **9.46 juta ringgit** untuk **perbelanjaan tanggungan**. Daripada jumlah itu, **105.46 juta ringgit** adalah bagi perbelanjaan emolumen, **127.57 juta ringgit** bagi perkhidmatan dan bekalan, **3.28 juta ringgit** bagi

pembelian aset dan sejumlah **89.71 juta ringgit** bagi pemberian dan kenaikan bayaran tetap manakala baki sejumlah **1.06** juta ringgit pula disediakan untuk lain-lain perbelanjaan.

30. Perbelanjaan bagi perkhidmatan dan bekalan adalah komponen terbesar dalam Bajet 2016 yang menyediakan peruntukan sejumlah 127.57 juta ringgit bagi menampung kenaikan kos bekalan, bil utiliti dan kenaikan emolumen kakitangan kontrak. Kerajaan Negeri akan terus menyediakan peruntukan sejumlah 89.71 juta ringgit untuk perbelanjaan pemberian dan kenaikan bayaran tetap bagi menampung caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan Negeri sejumlah 37.86 juta ringgit serta pemberian dan sumbangan sosial kepada rakyat.

31. Manakala peruntukan bagi emolumen dijangka akan terus meningkat kerana penjawat awam menikmati kenaikan gaji pada setiap tahun di samping kenaikan Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) daripada RM180.00 kepada RM300.00 untuk pegawai gred 41 dan ke bawah mulai 1 November 2015.

32. Peningkatan perbelanjaan mengurus pada setiap tahun adalah tidak dapat dielakkan dan bukan juga disebabkan kurangnya kawalan oleh kerajaan negeri tetapi adalah kerana perolehan barang dan perkhidmatan serta bayaran penyelenggaraan dan utiliti sentiasa meningkat mengikut pasaran. Namun begitu, peningkatan tersebut adalah terkawal selaras dengan dasar kerajaan negeri yang mengamalkan perbelanjaan secara berhemah dan perbelanjaan yang dilaksanakan adalah '*value for money*' dan benar-benar perlu.

33. **Peruntukan pembangunan** pula ialah sejumlah **55.00 juta ringgit** iaitu **14.23 juta ringgit** bagi penyediaan infrastruktur, **11.70 juta ringgit** untuk kemajuan masyarakat, **13.97 juta ringgit** bagi pembangunan ekonomi, **9.3 juta ringgit** untuk keagamaan, **2.0 juta ringgit** untuk pembangunan veterinar dan pertanian serta **3.8 juta ringgit** untuk pentadbiran dan sosial.

34. Hasil Kerajaan Negeri bagi tahun 2016 dianggar berjumlah 327.25 juta ringgit yang terdiri daripada Hasil Cukai berjumlah 116.15 juta ringgit, Hasil Bukan Cukai berjumlah 154.51 juta ringgit dan Terimaan Bukan Hasil berjumlah 56.59 juta ringgit. Kutipan hasil dijangka menokok 24.33 juta ringgit atau 8.03% lebih tinggi berbanding anggaran kutipan tahun 2015.



35. Dengan mengambil kira jumlah hasil melebihi jumlah perbelanjaan, Kerajaan Negeri sekali lagi membentangkan bajet lebihan (*surplus*) di dewan yang mulia ini. Bajet Lebihan 2016 ini menunjukkan Kerajaan Negeri terus berusaha untuk memperkukuh kewangan negeri dengan memantapkan kutipan hasil sambil menguatkuasakan perbelanjaan yang berhemah.

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

## **STRATEGI PERTAMA:**

### **MEMAKMUR DAN MEMPERKUKUH EKONOMI NEGERI**

#### **Memakmur Negeri**

36. Di dalam Bajet 2016, Kerajaan Negeri akan memberi tumpuan dalam usaha untuk terus memakmur dan melestarikan alam sekitar demi kelangsungan generasi akan datang. Di antara langkah-langkah yang sedang dan telah diambil dalam usaha untuk memakmurkan negeri adalah seperti berikut :-

#### **PERTAMA : Negeri Teknologi Hijau (*Green Technology State*)**

37. Kerajaan Negeri terus komited menjadikan Negeri Melaka sebuah negeri teknologi hijau dan mencapai sasaran 40 peratus bebas karbon menjelang tahun 2020 sejajar dengan komitmen Kerajaan Persekutuan.

Bagi mencapai status bandaraya hijau, 7 bidang utama, 21 inisiatif hijau dan 170 indikator yang ditetapkan oleh *United Nations Urban Environmental Accords* (UN-UEA) akan dijadikan platform oleh Kerajaan Negeri untuk diiktiraf sebagai bandaraya mampan dan mengurangkan impak perubahan iklim oleh manusia.

#### **KEDUA : Melaka Green City Action Plan (MGCAP)**

38. ***Melaka Green City Action Plan*** iaitu pelan jangka panjang mengurangkan intensiti karbon, meningkatkan kualiti persekitaran dan persaingan ekonomi. Kerajaan Negeri Melaka turut bekerjasama rapat dengan ***Centre for IMT-GT Subregional Cooperation*** (CIMT), ***Asean Development Bank*** (ADB) serta Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dalam mewujudkan ***Melaka Green City Action Plan***.

### **KETIGA : Inventori Karbon Melaka Bersama *International Council For Local Eviromental Initiatives* (ICLEI)**

39. Negeri Melaka bersama Pusat Indonesia-Malaysia-Thailand Growth Triangle (IMT-GT) dan International Council For Local Eviromental Initiatives (ICLEI) akan mewujudkan inventori pertama pelepasan gas rumah hijau peringkat negeri. Negeri Melaka telah diterima menganggotai ICLEI pada bulan November tahun lepas dan melalui keanggotaan tersebut, negeri ini boleh menjalin hubungan dengan lebih 1,000 bandar raya yang berusaha untuk menjadi bandar raya mampan dan lestari.

40. Pihak ICLEI kini sedang membantu Negeri Melaka bagi menyediakan laporan inventori gas rumah hijau ataupun Green House Gases (GHG) bagi peringkat negeri dan pihak berkuasa tempatan. Laporan ini bakal menentukan jumlah sebenar pelepasan Green House Gases di negeri ini seterusnya membolehkan Kerajaan Negeri melaksana langkah adaptasi dan mitigasi yang efektif bagi mengurangkan impak negatif kepada alam sekitar. Laporan ini akan dibentangkan pada Persidangan United Nations Framework Convention Of Climate Change (UNFCCC) – Conference Of Parties (COP) 21 di Paris, Perancis pada bulan Disember tahun ini.

41. Di dewan yang mulia ini, saya ingin memaklumkan bahawa Negeri Melaka telah dipilih untuk menjadi tuan rumah bagi persidangan Resilient Cities Asia Pacific 2016 (RCAP 2016) yang akan berlangsung dari 2 hingga 4 Mac 2016. Persidangan ini adalah anjuran bersama Kerajaan Negeri Melaka dan ICLEI.

### **KEEMPAT : Program Hari Tanpa Beg Plastik**

42. Selepas akhir tahun 2015, tiada lagi penggunaan beg plastik di semua premis perniagaan di Negeri Melaka. Kempen Hari Tanpa Beg Plastik telah bermula 1 Januari 2015 iaitu pada setiap hari Jumaat, Sabtu dan Ahad. Program ini dijalankan secara berperingkat sebagai satu komitmen Kerajaan Negeri melestari Melaka sebagai Negeri Bandar Teknologi Hijau.

### **KELIMA : Melaka Bebas Polisterin**

43. Kerajaan Negeri turut melaksana program ‘Melaka Tanpa Polisterin’ di semua kafe bangunan Kerajaan, premis makanan Pihak Berkuasa Tempatan dan sekolah bermula 15 Mei 2015. Malah semua pihak adalah digalakkan menggunakan bekas makanan jenis

biodegradasi. Fasa pertama bagi program berkenaan telah dikuatkuasa sepenuhnya September tahun ini sebelum diperluas ke semua premis makanan di seluruh Melaka termasuk di bangunan swasta.

### **Memperkukuh Ekonomi Negeri**

44. Dalam usaha merealisasi matlamat Negeri Melaka Maju Fasa II, Kerajaan Negeri mensasarkan pendapatan perkapita sejumlah USD15 ribu dengan kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar yang perlu dicapai adalah 7% setahun. Melaka terus melangkah laju ke hadapan bagi mencapai sasaran Negeri Berpendapatan Tinggi dan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan.

### **Potensi Industri Halal**

45. Industri halal semakin mendapat perhatian bukan sahaja kepada negara Islam tetapi juga bukan Islam seperti Jepun, Republik Korea, Republik Rakyat China dan Perancis. Kesemua negara ini yakin akan potensi pasaran halal yang amat besar dan luas. Malah menjadikan Malaysia sebagai negara contoh. Penekanan konsep “halalan toyyiban” iaitu yang halal, bersih, selamat dan berkhasiat untuk semua golongan masyarakat telah memberi impak dalam pembangunan industri halal di negara kita.

46. Kejayaan yang dikecapi dalam Pensijilan Halal dan pembangunan standard harus digalakkan supaya dapat mewujudkan pembekal terbesar produk dan perkhidmatan berkaitan halal di peringkat global. Kerajaan Persekutuan telah mengambil pelbagai inisiatif menggalakkan penglibatan lebih ramai usahawan tempatan dalam industri halal. Pada tahun 2014, terdapat 251 buah syarikat yang diluluskan Sijil Halal bagi Negeri Melaka. Sejumlah 110 syarikat adalah milik Bumiputera yang kebanyakannya merupakan syarikat Perusahaan Kecil dan Sederhana.

47. Negeri Melaka turut membangunkan hub halal iaitu *Melaka Halal Hub* di Serkam dengan jumlah keluasan 134.68 ekar. Setakat Disember 2014, sejumlah 45 syarikat telah beroperasi dengan anggaran perolehan tahunan melebihi 100 juta ringgit. Daripada 45 syarikat yang beroperasi, sejumlah 10 syarikat telah mula mengeksport produk halal mereka ke luar negara.

## **Memacu Sektor Bioteknologi**

48. Perbadanan Bioteknologi Melaka (PBM) telah diberi peranan meletakkan Negeri Melaka sebagai negeri pertama yang berjaya membangunkan industri bioteknologi negara. Ini dibuktikan apabila Makmal Perbadanan Bioteknologi memperolehi pengiktirafan akreditasi **MS ISO/IEC 17025** pada September 2013 untuk ujian Asid Nucleic.

49. Penubuhan *One Stop Centre for Medical Devices* atau **Pusat Seheni Peranti Perubatan** yang akan siap pada Oktober 2016 dan berstatus Good Laboratory Practise (GLP) akan merencanakan penglibatan Perbadanan Bioteknologi Melaka dalam bidang Bioteknologi. Pusat ini adalah yang pertama di Malaysia serta menepati keperluan **Malaysia Medical Devices Act 2012**.

50. Sehubungan itu, bagi membantu sektor bioteknologi di Negeri Melaka terus berdaya saing dan berkembang, Kerajaan Negeri akan menyediakan peruntukan sejumlah 750 ribu ringgit kepada PBM bagi menampung perbelanjaan pengurusanannya.

## **Negeri Bandar Pelabuhan Laut Dalam**

51. Kerajaan Negeri melalui Kumpulan Melaka Berhad dan Seaport Terminal (Johore) Sdn Bhd. telah bersetuju bekerjasama dalam melaksanakan projek penswastaan pengambilalihan pengurusan, operasi dan pembangunan Pelabuhan Tanjung Bruas, Melaka. Persetujuan usahasama di antara KMB dan Seaport Terminal (Johore) Sdn Bhd telah dimuktamadkan. Hasil daripada usahasama ini syarikat KMB-Seaport Sdn. Bhd. telah diwujudkan. Pelabuhan Tanjung Bruas bakal dinaiktaraf menjadi *Maritim Industrial Park* (MMP) yang berfungsi sebagai pelabuhan kontena antarabangsa.

52. Kerajaan Negeri juga telah memeterai memorandum persefahaman (MoU) bersama Linggi Base Sdn. Bhd. bagi pembangunan pelabuhan berkonsep hijau di tapak seluas 250.9 hektar berhampiran muara Sungai Linggi di Alor Gajah. Cadangan ini bertepatan dan bersesuaian dengan polisi kerajaan negeri menyediakan perkhidmatan pelabuhan bertaraf antarabangsa. Pembangunan dengan kos 12.5 bilion ringgit ini akan dilaksana secara berperingkat dalam tempoh 10 tahun. Apabila siap kelak, kawasan Kuala Linggi akan dikenali sebagai pusat perkhidmatan *bunk-ring* kepada kapal-kapal yang merentasinya dan dijadikan kawasan penyelenggaraan, pembaikan dan pembaik pulih perkhidmatan perkapalan.

## Melaka Gateway

53. Melaka Gateway ialah projek pembangunan komersial bercampur seluas 609 ekar yang terdiri daripada tiga buah pulau dan dua daripadanya adalah buatan manusia dengan nilai *Gross Development Value (GDV)* sebanyak 40 bilion ringgit. Komponen utama pembangunan projek ini ialah pembinaan sebuah Terminal Cruise Antarabangsa dan sebuah marina yang mampu menempatkan kapal sebesar *Seawise Giant*. Sehingga hari ini, sejumlah 125.1 ekar tanah telah siap ditambah

54. Projek Melaka Gateway ini telah menerima lawatan Menteri Pengangkutan Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Yang Chuantang pada 7 November yang lepas. Lawatan tersebut telah membincangkan secara lanjut mengenai konsep pelabuhan laut dalam, *Maritim Industrial Park (MMP)* dan *cruise tourism*.

## Memperkasa Sektor Pelancongan

55. Kerajaan Negeri Melaka telah menjadikan sektor pelancongan sebagai penyumbang KDNK utama Negeri Melaka. Pada tahun 2014 sektor ini menyumbang 46.4 peratus atau 12.013 bilion ringgit daripada pendapatan keseluruhan negeri Melaka. Sektor ini berkembang pesat dan mempunyai prospek pertumbuhan ekonomi yang baik di negeri Melaka.

56. Pada tahun **2014** sahaja, kita telah menerima kedatangan pelancong seramai **15.03 juta** orang berbanding **14.31 juta** pada tahun **2013** iaitu peningkatan sebanyak **5.03%** dengan tempoh bermalam selama **2.01 malam**.

57. Kerajaan Negeri menyasarkan sejumlah 16 juta orang akan melawat negeri Melaka bersempena dengan MyFEST 2015. Sehubungan itu, pembangunan produk pelancongan baharu serta promosi produk pelancongan dipergiat untuk menarik lebih ramai pelancong luar dan dalam negara.

58. Tahniah kepada semua pihak yang terlibat menjayakan Festival Makanan dan Kebudayaan Melaka di Milan baru-baru ini. Begitu juga dengan penyertaan Melaka di World Travel Mart London. Kita bertuah kerana berpeluang melancarkan produk pelancongan Melaka iaitu 'Melaka Sketchbook' sekali gus dapat memperkenalkan negeri Melaka kepada pelancong dunia khususnya dari Negara Eropah untuk melawat negeri tercinta ini.

59. Promosi pelancongan akan diteruskan pada tahun 2016 dengan penganjuran **Festival Pelancongan Melaka** di Kuala Lumpur, Singapura, Indonesia dan Republik Rakyat China. Bagi promosi untuk negara pasaran kedua seperti Taiwan, Hong Kong dan Jepun, Kerajaan Negeri dengan kerjasama beberapa agensi berkaitan akan menyertai misi jualan oleh Tourism Malaysia dan menganjurkan *Familiarization Tour* (Fam Tour) untuk agen kembara dan media dari negara pasaran baharu seperti India, Korea Selatan dan Thailand.

60. Bagi merancakkan lagi sektor pelancongan di negeri Melaka, Kerajaan Negeri telah mengemukakan permohonan peruntukan kepada Kerajaan Persekutuan seperti berikut:-

- Pertama : Projek Cadangan Pelaksanaan Kawasan Warisan (*Heritage Row*) Di Perkampungan Jawa, Melaka yang akan melaksanakan pembangunan kawasan warisan di Perkampungan Jawa, Melaka dengan anggaran kos berjumlah 60 juta ringgit
- Kedua : Projek Cadangan Pembangunan Kompleks Pelancongan Klebang yang merupakan pembangunan produk pelancongan khusus untuk maritim berjumlah 25 juta ringgit;
- Ketiga : Projek Cadangan Pembangunan Jejak Warisan yang meliputi penaiktarafan produk-produk pelancongan yang terdapat di sepanjang laluan dari pintu masuk Tol Simpang Ampat ke Bandar Alor Gajah berjumlah 25 juta ringgit;
- Keempat : Projek Cadangan Pembangunan Kawasan Rekreasi Hutan Bakau, Merlimau berjumlah 4 juta ringgit;
- Kelima : Projek Cadangan Menaiktaraf Kemudahan Taman Botanikal (Fasa 3) dianggarkan berjumlah 35 juta; dan
- Keenam : Projek Pemulihan dan Pengindahan Sungai Melaka Parcel 3 berjumlah 180 juta.

### **Menambahbaik Kemudahan di Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka**

61. Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka (LTAM) boleh dijadikan satu wadah untuk merencanakan lagi sektor pelancongan di Negeri Melaka. Sejak 5 November 2014, hanya sebuah syarikat penerbangan beroperasi secara rasmi di LTAM iaitu Malindo Air. Bagi menggalakkan lebih banyak syarikat penerbangan antarabangsa beroperasi di Melaka, Kerajaan Negeri telah mengangkat cadangan menaiktaraf kemudahan di LTAM kepada Kerajaan Persekutuan.

62. Sukacita saya maklumkan di Dewan yang mulia ini, Kerajaan Persekutuan telahpun bersetuju menyediakan peruntukan sejumlah 140 juta ringgit dalam Bajet 2016 kepada Negeri Melaka bagi melaksanakan projek Cadangan Pembesaran *Main Parking Apron, Parallel Taxiway, Perimeter Road* dan *Passenger Loading Bridge* di Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka.

63. Di samping merencanakan sektor pelancongan dan ekonomi negeri, kerjasama strategik di antara Kerajaan Negeri dan swasta perlu untuk mewujudkan sumber pendapatan baharu dalam industri penerbangan. Antaranya ialah menyediakan perkhidmatan *Maintenance, Repair, Overhaul* (MRO) untuk menarik kapal-kapal terbang antarabangsa berkapasiti tinggi mendarat di LTAM.

### **Memodenkan Sektor Pertanian dan Perternakan**

64. Sektor pertanian dan perternakan akan terus menerima peruntukan daripada Kerajaan Negeri agar ia menjadi lebih dinamik, progresif dan berdaya saing sekali gus merencanakan pertumbuhan ekonomi negeri dan mewujudkan peluang pekerjaan baharu.

65. Bagi memperkukuh rantai bekalan makanan serta membantu warga tani dan perternak di negeri ini meningkatkan pendapatan mereka, Kerajaan Negeri akan menyediakan peruntukan masing-masing sejumlah 1.0 juta ringgit pada tahun 2016 kepada Jabatan Pertanian dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

66. Program yang akan dilaksanakan adalah Pembangunan Industri Tanaman Makanan, Pembangunan Industri Asas Tani, Pembangunan Industri Agro Pelancongan, Pembangunan Industri Bernilai Tinggi, Pemesatan Perkhidmatan Veterinar, Program Pengembangan Veterinar dan Program Kawalan Penyakit. Program ini bertujuan

meningkatkan pengeluaran dan membantu mengurangkan beban yang terpaksa ditanggung pengusaha ke atas ketidakstabilan harga barang input.

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

## **STRATEGI KEDUA:**

### **MENGUTAMAKAN KESEJAHTERAAN RAKYAT**

#### **Program Pembasmian Kemiskinan**

67. Usaha berterusan dalam pembasmian kemiskinan sentiasa menjadi perhatian utama Kerajaan Negeri. Pelbagai usaha pembasmian kemiskinan serta pemberian bantuan kepada golongan miskin tegar dan miskin terus menjadi agenda utama Kerajaan Persekutuan mahupun Kerajaan Negeri.

68. Kerajaan Negeri telah mengambil beberapa langkah proaktif untuk membasmi kemiskinan di antaranya ialah Program Pembasmian Kemiskinan atau '*Mobile Team*', Bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) dan Program Tunas Mekar. Program pembasmian kemiskinan ini disokong oleh sektor swasta dan badan tertentu seperti Mykasih dan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM).

69. ***Mobile Team*** diwujudkan sejajar dengan aspirasi kerajaan memastikan tiada pihak tercicir dari senarai e-Kasih dan mendapat perhatian dan bantuan sewajarnya. Program ini selaras dengan hasrat kerajaan Negeri Melaka memastikan sifar Miskin Tegar tercapai. Sehingga 30 September 2015, sejumlah 94 Ketua Isi Rumah (KIR) Miskin telah mendapatkan bantuan yang bersesuaian.

70. Manakala Bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyediakan bantuan yuran persekolahan, pakaian seragam sekolah, bantuan persekolahan serta bantuan latihan dan bimbingan. Golongan sasaran program ini adalah keluarga yang berdaftar dengan sistem e-Kasih. Anak-anak mereka akan diberikan bantuan secara automatik tanpa perlu mengemukakan permohonan. Jumlah penerima bantuan KWAPM dari 2013 sehingga 30 September 2015 adalah seramai 3974 pelajar.



71. Program Tunas Mekar pula diwujudkan secara usahasama di antara Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) dengan tujuan melahirkan lebih ramai usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dalam kalangan Bumiputera yang berdaya tahan dan berdaya saing. Pendekatan yang dijalankan berkonsepkan sistem mentor mentee di mana graduan ditempatkan di premis perniagaan pengusaha sebagai perintis selama setahun. Siri Kelima Tunas Mekar yang dijalankan pada tahun ini mendapat peruntukan sejumlah 266 ribu ringgit dengan sasaran usahawan muda seramai 30 orang.

72. Majlis Agama Islam Melaka melalui Pusat Zakat Melaka turut membantu usaha membasmi kemiskinan khususnya untuk umat Islam melalui pengagihan zakat. Setakat 31 Oktober 2015, kutipan zakat adalah sejumlah 50.29 juta ringgit, peningkatan sejumlah 6.03 juta ringgit berbanding kutipan pada tahun 2014 iaitu sejumlah 44.26 juta ringgit. Secara keseluruhannya, dianggarkan kutipan zakat pada tahun 2015 berjumlah 65.29 juta ringgit melebihi sasaran yang ditetapkan iaitu 65 juta ringgit sekali gus menjadikannya angka yang tertinggi pernah dikutip oleh Pusat Zakat Melaka. Semoga kutipan zakat ini dapat disalurkan segera kepada golongan yang layak.

### **Penyaluran Bantuan Kewangan Kepada Golongan Berpendapatan Rendah dan Golongan Yang Memerlukan**

73. Sehingga bulan September 2015, Kerajaan memperuntukkan sejumlah 75.76 juta ringgit untuk disalurkan kepada 26,618 penerima yang layak menerima bantuan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Melaka. Kerajaan Negeri telah menyalurkan bantuan kepada 7,192 Penerima Bantuan Skim Bantuan Negeri dengan peruntukan sejumlah 14.89 juta ringgit. Manakala Kerajaan Persekutuan menyalurkan bantuan kepada 19,426 Penerima Bantuan Skim Bantuan Persekutuan dengan peruntukan sejumlah 60.87 juta ringgit.

74. Kerajaan Negeri juga menyalurkan sejumlah 0.8 juta ringgit kepada 14 pertubuhan sukarela yang berorientasi penyampaian perkhidmatan kebajikan kepada golongan sasaran yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia. Sumbangan ini diberi bagi memastikan semua pertubuhan yang berdaftar ini dapat membantu kerajaan untuk bersama-sama memastikan golongan yang memerlukan, diberi penjagaan sempurna berdasarkan konsep 'Kebajikan Tanggungjawab Bersama'.

75. Selain itu, Kerajaan Negeri turut menyalurkan sumbangan sejumlah 2.5 juta ringgit kepada 17 Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) di seluruh Negeri Melaka. Setiap PDK ditadbir oleh jawatankuasa setempat bagi menggalakkan penglibatan masyarakat dalam aktiviti dan pemulihan golongan kelainan upaya.

### **Menambahbaik Kemudahan Infrastruktur**

76. Sememangnya menjadi hasrat Kerajaan Negeri menyediakan sistem infrastruktur dan kemudahan asas sempurna, selesa dan selamat kepada seluruh rakyat di negeri ini. Infrastruktur dan sistem rangkaian perhubungan berkualiti dan selesa dapat menyokong pertumbuhan fizikal yang pesat terutamanya sektor perindustrian dan pelancongan.

77. Justeru itu, Kerajaan Negeri meneruskan usaha menaiktaraf jalan sedia ada dan membina jalan-jalan baharu sebagai laluan alternatif mengurangkan kesesakan lalu lintas. Sehingga tahun 2015, jumlah liputan jalan raya bagi seluruh negeri Melaka ialah 1,985.77 km. Daripada jumlah ini, 1,665.59 km merupakan Jalan Negeri dan bakinya 320.18 km ialah Jalan Persekutuan. Pencapaian yang membanggakan ini telah membantu rakyat menikmati kualiti hidup yang lebih baik.

78. Bagi meningkatkan kelancaran aliran trafik di samping mewujudkan kawasan pertumbuhan baharu untuk keselesaan orang awam, permohonan projek-projek baharu telah dikemukakan oleh Kerajaan Negeri untuk *Rolling Plan* Pertama (RP1, 2016-2017) Rancangan Malaysia ke-11 (RMKe-11) kepada Kerajaan Persekutuan. Di antara projek utama yang telah dipohon adalah seperti berikut:

Pertama : Menaiktaraf Jalan Dari 2 Lorong Kepada 4 Lorong Kuala Linggi - Masjid Tanah - Sungai Udang - Klebang - Limbongan - Jalan Pantai - Jambatan Syed Abdul Aziz dianggarkan bernilai 941 juta ringgit;

Kedua : Menaiktaraf Jalan Dari Ayer Keroh Ke Bandar Melaka (Fasa 2) dianggarkan bernilai 400 juta ringgit;

- Ketiga : Menaiktaraf Jalan Dari 2 Lorong Kepada 4 Lorong Dari Persimpangan JPJ, Bukit Katil Ke Semabok, Lebu AMJ dianggarkan bernilai 45 juta ringgit;
- Keempat : Menaiktaraf Jalan Dari 2 Lorong Kepada 4 Lorong Dari Persimpangan Merlimau Ke Tol Lipat Kajang Dan Membina Jalan Baru 4 Lorong Dari Pelabuhan Sungai Rambai Ke Lebu AMJ dianggarkan bernilai 180 juta ringgit;
- Kelima : Menaiktaraf Dan Membina Baru Jalan 4 Lorong Dari Bemban Ke Jasin dianggarkan bernilai 120 juta ringgit;
- Keenam : Menaiktaraf Dan Membina Baru Jalan 4 Lorong Dari Jasin Ke Tangkak dianggarkan bernilai 110 juta ringgit;
- Ketujuh : Membina Persimpangan Bertingkat di Lebu AMJ dari Persimpangan Bertam hingga ke Persimpangan Pulau Gadong / Cheng Height berjumlah 925 juta ringgit;
- Kelapan : Pembinaan Persimpangan Bertingkat di Persimpangan Bukit Katil / Jalan Istana dan Pembinaan Persimpangan Bertingkat di Simpang Bukit Beruang / Bukit Baru berjumlah 400 juta ringgit; dan
- Kesembilan : Membina Jalan Durian Tunggal – Paya Rumput – Sungai Udang bernilai 75 juta ringgit.

### **Pengangkutan Awam dan Rel**

79. Kerajaan Negeri meletakkan pengangkutan awam sebagai salah satu Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) untuk meningkatkan sistem rangkaian dan memudahkan mobiliti rakyat menjalankan aktiviti harian. Salah satu projek yang dimaksudkan ialah Keretapi Berkelajuan Tinggi atau lebih dikenali sebagai *High Speed Rail* (HSR) Kuala Lumpur – Singapura. Jarak HSR meliputi pembinaan rel sepanjang 350 km dan merentasi 4 buah negeri iaitu Johor, Melaka, Negeri Sembilan dan Selangor.

80. Dari segi ekonomi, HSR merupakan penyumbang GNI yang tinggi dan enabler kepada *Entry Point Project* (EPP) dan *National Key Economic Activity* (NKEA) yang lain. HSR juga berupaya meningkatkan nilai cadangan (*value proposition*) bandar-bandar stesen HSR dan impak positif kepada industri seperti pelancongan, hartanah dan pembinaan.

81. Kerajaan Negeri turut bercadang mewujudkan sistem pengangkutan awam bersepadu yang cekap dan sistematik. Usaha sedang dilakukan untuk memperluas liputan pengangkutan awam seperti bas ke seluruh negeri. Rancangan Induk Pengangkutan Awam Darat Negeri Melaka juga sedang dirangka.

82. Semua laluan bas akan disusun semula, bilangan bas akan ditambah untuk memastikan perkhidmatan yang lebih cekap, memperbanyakkan laluan bas ke desa (laluan sosial yang tidak menguntungkan), meningkatkan kadar kekerapan perjalanan bas dan mempraktik transaksi tanpa tunai. Selain itu, terminal bas dan teksi di Negeri Melaka juga akan diperbanyakkan.

### **Menaik Taraf Projek Bekalan Air**

83. Sebagai langkah awal ke arah pembangunan Negeri yang lebih mapan, Projek Empangan Jernih di Daerah Alor Gajah merupakan pendekatan sistematik Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan meningkatkan keupayaan serta kapasiti simpanan air mentah Negeri. Dengan pertambahan permintaan bekalan air sekitar 4.6% setahun, Projek Empangan Jernih berkapasiti 13,000 juta liter mampu menyokong keperluan bekalan air dan mengurangkan kebergantungan perolehan air dari Negeri Johor.

84. Projek yang dijangka siap pada tahun 2019 dengan anggaran kos sejumlah 163.2 juta ringgit ini dapat menyokong pertumbuhan serta memperkasa sektor kemudahan utiliti selain fokus utamanya dalam menyediakan bekalan air bersih dan sanitasi sempurna kepada rakyat.

### **Loji Rawatan Kumbahan dan Rangkaian Paip Pembentung**

85. Selain itu, Kerajaan Persekutuan dalam Bajet 2016 telah meluluskan peruntukan sejumlah 40 juta ringgit untuk pembinaan loji rawatan kumbahan dan rangkaian paip pembentung Negeri Melaka (Fasa 1) dan sejumlah 30 juta ringgit untuk pembinaan loji

rawatan kumbahan dan rangkaian paip pembentung Negeri Melaka (Fasa 2). Kedua-dua projek ini akan dilaksanakan oleh Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air. Jumlah keseluruhan kos bagi kedua-dua projek tersebut adalah berjumlah 575 juta ringgit.

### **Menaiktaraf Sistem Saliran**

86. Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar turut meluluskan peruntukan sejumlah 80.9 juta ringgit untuk menaiktaraf sistem saliran bagi mengatasi masalah banjir kilat di Negeri Melaka di mana sejumlah 30 juta ringgit telah disediakan dalam Bajet 2016.

### **Projek-projek Di Bawah Peruntukan Kerajaan Negeri**

87. Di samping mengemukakan permohonan peruntukan kepada Kerajaan Persekutuan bagi menaiktaraf infrastruktur sedia ada, Kerajaan Negeri pada tahun 2016 turut menyediakan peruntukan untuk projek-projek baru dan sambung di bawah Kerajaan Negeri seperti berikut:

- Pertama : Membina baru Wisma Seri Melaka di Mesir dianggarkan bernilai **8.2 juta ringgit;**
- Kedua : Menaiktaraf baru jambatan Sungai Duyong, Melaka dianggarkan bernilai **0.5 juta ringgit;**
- Ketiga : Menaiktaraf persimpangan Balai Polis Bukit Rambai, Melaka dianggarkan bernilai **1.3 juta ringgit;**
- Keempat : Membina jalan alternatif bagi mengurang kesesakan jalan raya di Bandar Jasin dan Pekan Durian Tunggal, Alor Gajah dianggarkan bernilai **1.0 juta ringgit;**
- Kelima : Projek menggali dan mendalamkan muara Sungai Melaka dan Sungai Duyong dianggarkan bernilai **2.4 juta ringgit;** dan
- Keenam : Projek sambung pembinaan (6) buah Sekolah Rendah Agama JAIM dianggarkan bernilai **8.5 juta ringgit.**

## **Menyediakan Rumah Mampu Milik dan Program Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia**

88. Kerajaan Negeri sedar bahawa perumahan yang mampu dimiliki dan selesa adalah keperluan asas dan menjadi keutamaan kepada rakyat. Oleh yang demikian, dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas, (RMKe-11), tumpuan terus diberi kepada penyediaan rumah mampu milik sebagai memenuhi keperluan perumahan yang semakin meningkat, terutama di dalam kalangan golongan miskin serta isi rumah berpendapatan rendah dan sederhana.

89. Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Dasar Rumah Mampu Milik (RMM), di mana bagi setiap pembangunan perumahan melebihi 8 ekar oleh pemaju perumahan perlu mempunyai komposisi pembinaan seperti Rumah Kos Rendah sebanyak 20 peratus, Rumah Mampu Milik sebanyak 20 peratus dan Bebas / Terbuka sebanyak 60 peratus. Rumah Mampu Milik (RMM) merupakan rumah yang berharga tidak melebihi RM180,000.00, berkeluasan binaan 1,000 kaki persegi, mempunyai 3 bilik tidur dan 2 bilik air. Pada tahun 2016 dijangka sebanyak 11 projek RMM akan siap dibina yang melibatkan sejumlah 2,365 unit rumah. RMM ini terbuka kepada pemohon yang mempunyai pendapatan isi rumah tidak melebihi RM6,000.00 sebulan.

90. Selain itu, Kerajaan Negeri juga akan melaksanakan Program Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M). Pada masa kini, harga yang ditawarkan bagi skim perumahan ini adalah di antara RM173,000.00 hingga RM200,000.00 mengikut keluasan lantai dengan minima tidak kurang dari 1,000 kaki persegi hingga 1,500 kaki persegi. Pelaksanaan projek Program Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) akan dibina di Ayer Molek, Kesang dan Kuala Sungai Baru.

## **Memperkasa Peranan Wanita**

91. Bajet 2016 akan terus memberi tumpuan kepada kebajikan kaum wanita. Kerajaan Negeri sentiasa mengiktiraf peranan wanita dan membuka peluang seluas-luasnya untuk mereka menjawat jawatan tinggi dalam pentadbiran Kerajaan Negeri.

92. Ini dibuktikan dengan pelantikan Puan Maslina binti Baki sebagai Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan) baru-baru ini. Saya dimaklumkan lantikan ini

telah membuka lembaran baru dalam Perkhidmatan Awam Negeri Melaka kerana selama ini Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA) di Negeri Melaka dimonopoli oleh kaum lelaki.

93. Saya yakin dan percaya, lantikan ini sebagai penghargaan dan pembakar semangat kepada kaum wanita dalam sektor awam di Negeri Melaka. Sehubungan itu, bagi menghargai jasa dan sumbangan penjawat awam wanita di Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka yang berjumlah lebih kurang 2,005 orang, sukacita saya maklumkan Kerajaan Negeri bersetuju meneruskan sumbangan tahunan sejumlah 100 ribu ringgit kepada Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia (PUPASNITA) Cawangan Melaka.

94. Selain itu, Kerajaan Negeri turut menyediakan peruntukan sejumlah 200 ribu ringgit di bawah portfolio pembangunan keluarga dan wanita bagi penganjuran pelbagai program sepanjang tahun 2016 bagi menggalak penyertaan kaum wanita dalam aktiviti kemasyarakatan.

### **Memperteguh Peranan Belia**

95. Kerajaan Negeri sentiasa memastikan penglibatan aktif belia dalam masyarakat melalui aktiviti-aktiviti yang telah dirancang. Sesungguhnya belia adalah aset terpenting dan pewaris kesinambungan masa depan Negara. Sebanyak 374 persatuan belia di Negeri Melaka dengan kerjasama Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia (ROY) telah mengaktifkan pelaksanaan aktiviti pembangunan, kepimpinan dan kesukarelaan dalam kalangan belia tempatan.

96. Pelantikan empat (4) orang ahli parlimen belia dari Negeri Melaka merupakan satu *platform* baru menyuarakan hasrat dan buah fikir belia di peringkat akar umbi selaras dengan dasar pembangunan belia. Menyedari hakikat kepentingan melibatkan golongan belia dalam aktiviti yang bermanfaat, Kerajaan Negeri bersetuju memperuntukkan sejumlah 200 ribu ringgit bagi menyokong program mahupun aktiviti belia di Negeri Melaka.

### **Mempergiatkan Program Pembangunan Sukan**

97. Bagi memajukan sukan dalam negeri dan meningkatkan prestasi atlit-atlit di peringkat akar umbi, Kerajaan Negeri akan meneruskan pemberian tahunan sejumlah 2.0 juta ringgit kepada Majlis Sukan Negeri dan 300 ribu ringgit kepada Perbadanan Stadium Melaka bagi tujuan pembangunan sukan termasuk kelangsungan fungsi sukan tersebut. Pemberian ini akan digunakan sebaiknya untuk tujuan pembangunan sukan dan melahirkan atlit bertaraf dunia.

98. Kerajaan juga merakamkan ucapan tahniah kepada skuad Melaka United (MU) yang telah menjuarai Liga FAM musim ini sekali gus berjaya mencapai misi pasukan melayakkan diri ke Liga Perdana pada tahun 2016. Kerajaan Negeri berharap skuad MU terus mempamerkan mutu permainan terbaik pada musim seterusnya.

99. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri akan menyediakan peruntukan awalan sejumlah 200 ribu ringgit kepada MUSA bagi menghadapi Liga Perdana pada musim hadapan. Kerajaan Negeri juga menggalakkan syarikat gergasi di negeri ini turut sama dapat menyalur sumbangan bagi memartabat sukan bolasepak Negeri Melaka.

### **Sumbangan Kepada Persatuan Bekas Anggota Keselamatan**

100. Kerajaan Negeri juga tidak melupakan jasa dan pengorbanan bekas tentera dan polis dalam mempertahankan Negara serta memelihara ketenteraman awam. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri akan menyalurkan sumbangan sejumlah 100 ribu ringgit secara 'one-off' kepada persatuan bekas tentera dan polis cawangan Negeri Melaka sebagai menghargai jasa-jasa mereka.

### **Menaiktaraf Sistem Pengurusan Bencana**

101. Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan sejumlah 300 ribu ringgit untuk menaiktaraf sistem pengurusan bencana negeri. Peruntukan ini akan digunakan untuk membeli peralatan sokongan seperti *mobile partition*, pelampung dan jaket keselamatan bagi menghadapi bencana banjir. Garis Panduan Pengurusan Tabung Bantuan Bencana



Negeri Melaka yang berkuatkuasa mulai 01 Januari 2008 akan disemak semula bersesuaian dengan keadaan semasa.

### **Keselamatan dan Kesihatan**

102. Kerajaan Negeri akan memastikan keselamatan rakyat Negeri Melaka sentiasa terjamin. Untuk makluman, kadar peratusan jenayah di Negeri Melaka menurun lebih 20.2% dari Januari hingga September 2015. Dari segi jumlah kes jenayah bermula Januari hingga September pula, sebanyak 2,186 kes jenayah direkodkan berlaku tahun ini berbanding 2,740 kes jenayah untuk tempoh sama tahun lepas.

103. Bagi terus mengurangkan kadar jenayah di Negeri Melaka, Kerajaan Negeri bersetuju menyumbang 150 ribu ringgit kepada PDRM Negeri Melaka untuk perolehan sebuah van jenis Weststar Maxus untuk dijadikan balai polis bergerak. Balai polis bergerak ini akan ditempatkan di kawasan tumpuan orang ramai bagi memantau dan menjaga keselamatan orang awam.

104. Menyedari kepentingan perkhidmatan rawatan berpakar yang berkualiti kepada rakyat Negeri Melaka, Kerajaan Negeri telah mengemukakan permohonan membina sebuah hospital baru bernilai 500 juta ringgit kepada Kerajaan Persekutuan. Hospital yang dicadangkan itu akan dilengkapi dengan 404 buah katil terdiri daripada 10 wad biasa serta 9 wad atau unit intensif, pusat rawatan harian dan perkhidmatan pesakit luar. Semoga cadangan ini mendapat kelulusan daripada Kerajaan Persekutuan dan dapat memberi manfaat serta keselesaan rakyat dalam mendapatkan rawatan kesihatan yang berkualiti.

105. Selain cadangan pembinaan hospital baru di Negeri Melaka, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan beberapa buah projek seperti berikut:

- Pertama : Membina dan menyiapkan klinik kesihatan jenis 3 dengan kuarters di Mukim Ayer Molek bernilai 18.3 juta ringgit; dan
- Kedua : Membina dan menyiapkan klinik kesihatan jenis 3 di Mukim Rembia berjumlah 19.8 juta ringgit.

### **STRATEGI KETIGA:**

### **MEMANTAPKAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN DAN MEMPERHEBAT TRANSFORMASI PERKHIDMATAN AWAM NEGERI**

## **Pendidikan dan Latihan**

106. Dalam usaha merealisasikan matlamat menjadikan Negeri Melaka sebuah negeri maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020, pembangunan modal insan yang berkemahiran tinggi melalui bidang pendidikan diberi penekanan bagi menangani cabaran ekonomi dan sosial masa kini.

107. Kerajaan Negeri akan terus memberi peluang pendidikan terbaik tanpa mengira keturunan mahupun taraf sosioekonomi agar anak-anak Melaka mendapat akses pendidikan berkualiti dan berkemampuan. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri akan menyediakan peruntukan dalam Bajet 2016 seperti berikut :-

Pertama : Bantuan Kewangan seperti Biasiswa, Dermasiswa, Pinjaman Pendidikan, Bantuan Pelajar Sekolah, Bantuan Kewangan ke IPT, Anugerah Pelajar Cemerlang Serta Bantuan Tambang berjumlah 22.8 juta ringgit; dan

Kedua : Bantuan Tuisyen Asrama, Sekolah Asrama Harian Dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan Di Bawah Jabatan Pendidikan Melaka berjumlah 1.0 juta ringgit.

108. Kerajaan Persekutuan juga telah meluluskan pembinaan sebuah Sekolah Berasrama Penuh di Alor Gajah Melaka dengan jumlah peruntukan 65 juta ringgit. Dengan pembinaan sekolah ini, Kerajaan Negeri percaya taraf pendidikan di Negeri Melaka dapat ditingkatkan.

109. Kerajaan Persekutuan turut menyediakan peruntukan sejumlah 500 juta ringgit bagi penyelenggaraan fasiliti dalam aspek keselamatan dan persekitaran pembelajaran untuk semua jenis sekolah. Sehubungan itu, Jabatan Pendidikan Negeri dan Jabatan Agama Islam Negeri mengambil langkah proaktif memohon peruntukan yang telah disediakan ini untuk tujuan penyelenggaraan sekolah-sekolah di Negeri Melaka termasuk sekolah agama.

110. Selain itu, Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) akan membangunkan kompleks asrama yang lengkap dengan kemudahan Orang Kelainan Upaya (OKU) yang boleh memuatkan seramai 7,000 pelajar. Kos keseluruhan projek tersebut berjumlah 121 juta ringgit yang dijangka dapat mewujudkan suasana kondusif dalam kampus KUIM. Pembinaan ini dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2018.

111. Dengan terbinanya kompleks ini, diharapkan ianya dapat menarik lebih ramai kemasukkan pelajar tempatan dan antarabangsa seterusnya membantu mempercepatkan proses memperolehi status Universiti penuh. KUIM juga akan dijadikan pusat pengajian asas kepada pelajar lepasan Maahad Tahfiz di Melaka sebagai persediaan memasuki pusat pengajian tinggi lain.

112. Kerajaan Negeri melalui Tabung Amanah Pendidikan Negeri Melaka (TAPEM) juga bercadang membantu seramai 110 orang pelajar tahfiz yang berdaftar di Negeri Melaka melanjutkan pengajian ke institut berkemahiran seperti politeknik dan kolej komuniti. Tujuannya agar mereka boleh mempelajari ilmu dalam bidang tertentu untuk membolehkan mereka hidup berdikari.

113. Bagi meringankan beban lepasan universiti yang mendapat pinjaman daripada TAPEM, Kerajaan Negeri bersetuju menawarkan diskaun sebanyak 20 peratus kepada 6,295 orang peminjam mulai 1 September 2015 sehingga 30 November 2015. Kerajaan Negeri berharap promosi ini menggalakkan peminjam melunaskan pembayaran pinjaman pelajaran di samping meningkatkan jumlah kutipan bayaran balik pinjaman. Tawaran mendapatkan diskaun 20 peratus ini terhad kepada peminjam yang masih mempunyai baki melebihi 1 ribu ringgit dan ke atas sahaja.

### **Memperhebat Transformasi Perkhidmatan Awam Negeri Melaka**

114. Dalam mengejar kemajuan Negeri, Kerajaan sentiasa berusaha dan komited membudaya nilai murni serta menjunjung tinggi integriti dalam setiap tindakan dan keputusan. Hal ini diterjemah dengan Ikrar Integriti Korporat (*Corporate Integrity Pledge*) yang telah ditandatangani 30 agensi, badan berkanun dan anak syarikat Kerajaan Negeri diketuai oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri sendiri. Sebanyak 10 inisiatif terkandung dalam Ikrar tersebut juga sedang dan telah dijalankan seperti program pengukuhan integriti, pencegahan dan sebagainya.

115. Penerapan integriti secara berterusan perlu bagi memastikan momentum gerakan ini berada pada kelajuan yang diinginkan. Beberapa siri Road Tour Integriti melibatkan 22 agensi seperti Yayasan Melaka, Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah dilaksana sepanjang tahun ini. Program ini adalah anjuran Kerajaan Negeri Melaka melalui Unit Integriti dengan kerjasama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah

Malaysia Negeri Melaka. Di antara pengisiannya ialah penerangan Akta-akta SPRM yang berkaitan salahlaku dan akta pemberi maklumat serta input berkaitan dengan SPRM.

116. Kerajaan Negeri juga sering berkerjasama rapat dengan pihak SPRM Negeri dan Persekutuan di mana beberapa program telah dilaksanakan seperti Kursus YB ADUN-ADUN di Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) manakala Ikrar Integriti YB ADUN-ADUN Negeri Melaka akan dilaksanakan dalam masa terdekat.

117. Sehingga 30 September 2015, sebanyak **69 Program** telah dilaksanakan melibatkan penyertaan **3,113 orang** peserta di dalam dan luar Melaka. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **28 program** berkaitan integriti telah dilaksanakan dengan melibatkan penyertaan seramai **1,359 orang**. Kerajaan Negeri percaya dengan melahirkan penjawat awam yang berilmu, berkemahiran tinggi dan berintegriti dapat membantu melonjak imej penjawat awam dan menjadi tonggak untuk mencapai negara maju menjelang 2020.

118. Dari segi pengurusan kewangan, Kerajaan Negeri sekali lagi mendapat anugerah Sijil Bersih oleh Jabatan Audit Negara dalam pengauditan Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Melaka bagi tahun 2014. Sijil Bersih ini dipertahankan sejak tahun 2002. Ini adalah bukti ketelusan dan komitmen pegawai kerajaan negeri dalam mengenalpasti punca dan tindakan pencegahan bagi setiap isu persoalan yang dibangkitkan pihak audit.

119. Kerajaan Negeri juga mengucapkan syabas kepada Jabatan dan agensi yang menerima anugerah penarafan 4 Bintang Indeks Akauntabiliti tahun 2014 dalam mencapai tahap kecemerlangan pengurusan kewangan di agensi masing-masing oleh Jabatan Audit Negara. Jabatan tersebut ialah Jabatan Mufti Negeri Melaka, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah dan Majlis Perbandaran Alor Gajah. Sebagai menghargai pencapaian ini, Kerajaan Negeri bersetuju memberi insentif sebanyak 8 ribu ringgit kepada setiap jabatan.

120. Pencapaian ini menggambarkan impak positif Laporan Audit Negara terhadap pengurusan kewangan di jabatan dan agensi kerajaan pada umumnya, yang mencerminkan keupayaan sektor awam untuk berubah serta menambah baik pencapaian mereka. Marilah kita semua terus berusaha memastikan pengurusan kewangan cekap dan berhemah serta sentiasa berada pada tahap cemerlang.

121. Bagi meneruskan usaha transformasi perkhidmatan awam negeri, Kerajaan Negeri turut bersetuju menyediakan peruntukan sejumlah 1.0 juta ringgit bagi pembelian aset-aset

termasuk kenderaan dan sejumlah 1.0 juta ringgit bagi tujuan penyelenggaraan pejabat-pejabat Kerajaan. Semoga peruntukan ini dapat digunakan untuk meningkatkan keselesaan semua penjawat awam Negeri Melaka.

### **Pengiktirafan Yang Diterima**

122. Kerajaan Negeri juga merakamkan penghargaan kepada semua penjawat awam yang telah bekerja keras membantu Negeri Melaka mencipta rantaian pengiktirafan tahun ini. Antara pencapaian sepanjang tahun 2015 di peringkat kebangsaan ialah memenangi emas dalam Konvensyen Team Excellence (QE/5S) Peringkat Wilayah Selatan oleh Mahkamah Syariah Melaka dan Majlis Perbandaran Alor Gajah. Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah turut berjaya memenangi Anugerah Inisiatif Kejiranan Hijau iaitu Pelaksanaan Sistem Pengumpulan Air Hujan (SPAH) sempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia dan Hari Habitat Sedunia yang diadakan pada 3 November 2015 di Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

123. Kita juga tidak terlepas daripada tumpuan dunia apabila Majlis Perbandaran Alor Gajah sekali lagi melakar sejarah dianugerahkan *Green World Award 2015 For Enviromental Best Practice* di Christchurch, New Zealand pada 19 Oktober 2015. Anugerah tersebut merupakan anugerah tertinggi di dalam *Green Apple Awards* yang melayakkan sebuah organisasi atau syarikat menerima pengiktirafan terhadap penjagaan alam sekitar. Pada hari ini 16 November 2015, Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya juga akan menerima *The International Green Apple Awards* di *The House Of Parliament, Westminster Palace*, di London, United Kingdom dalam kategori *Built Environment And Architectural Heritage dan Environmental Best Practice*.

### **Menghargai Annggota Perkhidmatan Awam**

124. Berdasarkan sokongan padu penjawat awam dalam mencapai matlamat penambahbaikan dalam pengurusan dan pentadbiran Kerajaan Negeri, sukacita saya maklumkan Kerajaan Negeri turut bersetuju memberikan pemberian khas sebanyak 500 ringgit kepada semua penjawat awam negeri yang akan dibayar pada bulan Januari 2016. Di samping itu, pada 1 haribulan Julai 2016, kakitangan awam Kerajaan Negeri juga akan menikmati satu kenaikan gaji tahunan khas mengikut gred jawatan.

125. Selain itu, Kerajaan Persekutuan telah bersetuju untuk menambahbaik sebanyak 252 skim perkhidmatan; menetapkan gaji permulaan terendah dalam Perkhidmatan Awam kepada 1,200 ratus ringgit sebulan dan kakitangan yang dilantik secara *Contract of Service* di mana telah berkhidmat sekurang-kurang 15 tahun akan diberi peluang menjawat secara tetap. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri berharap keputusan Kerajaan Persekutuan ini dapat memberi manfaat terus kepada penjawat awam Negeri Melaka.

## PENUTUP

126. Sesungguhnya, Bajet 2016 ini sebagai penerus tradisi terbaik Kerajaan Negeri memakmurkan negeri dan kesejahteraan rakyat. Saya menegaskan bahawa Kerajaan Negeri mempunyai azam yang tinggi untuk melaksana pelbagai program dan projek bagi kepentingan dan kesejahteraan rakyat.

127. Walau apa sekalipun, dengan sumber hasil yang terhad, Kerajaan Negeri tetap berusaha memberi perkhidmatan terbaik untuk rakyat. Insya-Allah, jika diberi izin oleh Allah SWT yang menyimpan segala rahsia dalam setiap sesuatu, kita berdoa dan berharap semua program yang dirancang dapat dilaksana dengan jayanya.

128. Memetik sepotong ayat dari Surah Al-A'raf, Ayat 96 bahawa:

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰءِ آمَنُوا وَاتَّقَوْا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ مِّنَ  
السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ وَلَٰكِن كَذَّبُوا فَأَخَذْنَاهُم بِمَا كَانُوا  
يَكْسِبُونَ ﴿٩٦﴾

*“Dan Tuhan (berfirman lagi): sekiranya penduduk negeri itu beriman serta bertaqwa, tentulah kami akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya, dari langit dan bumi. Tetapi mereka mendustakan (Rasul kami), lalu kami timpakan mereka dengan azab seksa disebabkan apa yang mereka telah usahakan.”* (surah Al-araaf, ayat 96).

129. Akhir kalam, bak kata para cerdik pandai, yang baik itu daripada Illahi dan yang kurang itu adalah daripada diri saya sendiri.

130. Semoga Bajet 2016 ini dilimpahi Rahmat-Nya dan membawa sentosa kepada semua.

Yang Berhormat Datuk Wira Speaker,

Saya mohon mencadangkan.